

BAB IV

ANALISIS PELAKSANAAN PROGRAM PEMBANGUNAN EKONOMI MASYARAKAT DI BAITUL QIRADH BINA INSAN MANDIRI BANDA ACEH

4.1 Pendahuluan

Program pembangunan ekonomi masyarakat merupakan suatu usaha dalam meningkatkan pendapatan masyarakat untuk keluar daripada kemiskinan. Kemiskinan ini juga boleh dinilai secara relatif, kerana anggapan kemiskinan boleh berbeza-beza dalam setiap tempat dan kawasannya. Program pembangunan ekonomi masyarakat yang dilaksanakan oleh BQ-BIMA Banda Aceh merupakan usaha mengatasi kemiskinan melalui kredit mikro dengan merujuk kepada konsep dan pendekatan bersama masyarakat. Secara terperinci dalam bab ini menganalisis tentang profil dan keberhasilan program pembangunan ekonomi masyarakat dengan melihat ketepatan atau kesesuaian penyaluran dan perkembangan sebelum dan sesudah mendapatkan pembiayaan.

4.2 Latar Belakang Penerima Pembiayaan Program Pembangunan Ekonomi Masyarakat

Latar belakang responden yang diterima bagi melihat keadaan yang memberikan maklumat tentang jantina, umur, jenis pembiayaan dan jumlah pembiayaan yang terdiri dari semua penerima pembiayaan seramai 47 orang. Maklumat ini penting dalam melihat keadaan responden bersesuaian menerima pembiayaan modal. Kesesuaian dalam memberikan pembiayaan akan menunjukkan langkah yang baik kepada masyarakat ini.

4.2.1 Profil Berdasarkan Jantina dan Umur

Berhubung kait dengan profil jantina dan umur penulis telah menghimpun dalam bentuk jadual bagi menjelaskan maklumat yang telah di dapati daripada responden sebagai menerima pembiayaan modal dari BQ-BIMA Banda Aceh.

Jadual 4.1: Maklumat Responden Kajian Mengikut Jantina

Jantina	Bilangan	Peratus %
Lelaki	23	48.9
Perempuan	24	51.1
Jumlah	47	100.0

Sumber : maklumat dari soal selidik kajian

Di lihat dari jadual 4.1; separuh (24 orang atau 51.1%) responden kajian ini adalah perempuan, selanjutnya (23 orang atau 48.9%) didapati lelaki.

Jadual 4.2 : Maklumat Responden Berdasarkan Umur

Julat Umur (Tahun)	Bilangan	Peratus (%)
18 – 25	7	14.9
26 – 40	24	51.1
40 Lebih	16	34.0
Jumlah	47	100,0

Sumber : maklumat dari soal selidik kajian

Dari segi umur jadual 4.2; sebahagian besar (24 orang atau 51.1%) responden kajian ini berumur 26 hingga 40 tahun. Selanjutnya (16 orang atau 34%) didapati berumur 40 Lebih dan yang terakhir (7 orang atau 14.9%) berumur 18 hingga 25 tahun. Maklumat mengenai umur ini penting bagi melihat kesesuaian pembiayaan yang di agihkan. Dari jadual ini menunjukkan yang paling ramai responden menerima pembiayaan antara 26 tahun hingga 40 tahun sedangkan 18 tahun tidak ada yang menerima pembiayaan. Sesuai dengan maklumat di atas menunjukkan bahawa penerima pembiayaan berdasarkan umur sangat bersesuaian kerana pada umur 26 tahun hingga 40

tahun merupakan pekerja yang gigih dan berpeluang bagi meningkatkan taraf hidup yang lebih meningkat.

4.2.2 Taraf Perkahwinan

Taraf perkahwinan diperlukan untuk mendapatkan maklumat tentang penerima pembiayaan bagi menghuraikan status penerima bersesuaian dengan matlamat pembiayaan.

Jadual 4.3 : Taraf Perkahwinan

Taraf Perkahwinan	Bilangan	Peratus (%)
Berkahwin	40	85.1
Bujang	6	12.8
Duda	1	2.1
Jumlah	47	100.0

Sumber : maklumat dari soal selidik kajian

Di lihat dari jadual 4.3 sebahagian besar (85.1% atau 40 orang) responden kajian ini sudah berumah tangga, selanjutnya (12.8 % atau 6 orang) bujang dan (2.1 % atau 1 orang) didapati duda. Jadual ini menunjukkan sebahagian besar yang di agihkan pembiayaan ialah yang sudah berkahwin. Hal ini menunjukkan BQ-BIMA Banda Aceh mengutamakan orang yang sudah mempunyai tanggung jawab untuk memenuhi keperluan keluarga dalam memilih penerima pembiayaan.

4.2.3 Tanggungan

4.4: Jumlah Tanggungan

Jumlah Tanggungan	Bilangan	Peratusan
Tidak Ada	6	12.8
1-3 orang	39	83.0
4 - 6 orang	2	4.3
Total	47	100.0

Sumber : maklumat dari soal selidik kajian

Di lihat dari jadual 4.4 sebahagian besar (83 % atau 39 orang) responden kajian ini mempunyai tanggungan 1 hingga 3 orang, selanjutnya tidak ada tanggungan (12.8 % atau 6 orang) dan yang terakhir (4.3% atau 2 orang) mempunyai tanggungan 4 hingga 6 orang. Bagi yang mempunyai tanggungan 1 hingga 3 orang secara purata responden masih berumur di bawah 40 tahun dan masih dikategorikan umur yang masih muda. Sedangkan bagi yang mempunyai tanggungan 4 hingga 6 orang secara purata sudah berumur di atas 40 tahun dan secara purata ekonomi sudah mulai baik.

4.2.4 Pendidikan

Pendidikan merupakan sesuatu yang berpengaruh terhadap aspek kehidupan, kerana pendidikan akan mempengaruhi pandangan seseorang dalam melakukan berbagai-bagai pekerjaan yang akan dilakukan. Kesedaran terhadap kepentingan pendidikan sangat memberi kesan dalam mengatasi atau mengurangkan kemiskinan. Ini kerana antara pencapaian ekonomi selalu berhubung kait dengan pencapaiannya pendidikan, kurangnya kemampuan ekonomi akan terjadi penurunan terhadap pendidikan. Kurangnya pendapatan akan membuat seseorang tidak berkemampuan dalam memenuhi keperluan hidup apalagi untuk memenuhi keperluan-keperluan yang tidak asas. Begitu juga kurangnya pendidikan akan mencetuskan kemiskinan disebabkan pandangan yang sempit terhadap peningkatan taraf kehidupan. Pandangan yang sempit akan membuat orang tidak kreatif dan inovatif dalam mencapai keperluan hidupnya.

Jadual 4.5 : Pendidikan

Pendidikan	Bilangan	Peratus %
SD	6	12.8
SMP	7	14.9
SMA	19	40.4
Perguruan Tinggi	15	31.9
Jumlah	47	100.0

Sumber : maklumat dari soal selidik kajian

Di lihat dari jadual 4.5; sebahagian besar (19 orang atau 31.9%) responden kajian ini berpendidikan lulus SMA, selanjutnya (15 orang atau 31.9%) didapati lulus Perguruan Tinggi¹. Sementara (7 orang atau 14.9%) berkelulusan SMP dan (6 orang atau 12.8%) berkelulusan SD. Hasil daripada huraian ini menunjukkan bahawa responden semuanya pernah bersekolah dan secara purata penerima pembiayaan pernah bersekolah pada peringkat SMA dan Perguruan Tinggi. Di lihat secara purata tingkat pendidikan penerima pembiayaan mempunyai pengetahuan yang mencukupi dan mempunyai kesedaran untuk bekerja keras.

4.2.5 Semua Pekerjaan Dan Pendapatan Bulanan Pelanggan Sebelum Pembiayaan

Pekerjaan, pendapatan dan bajet bulanan yang di terangkan pada jadual di bawah ialah pendapatan awal dan tidak berhubung kait dengan BQ-BIMA Banda Aceh. Pendapatan ini hasil daripada kerja sebelum diberikan pembiayaan. Sebelum ada pembiayaan dari BQ-BIMA Banda Aceh, pelanggan mempunyai beragam pekerjaan. Berbagai-bagai pekerjaan juga akan membawa kepada perbezaan pendapatan dan belanja bulanan. Pelanggan yang mempunyai pekerjaan lebih daripada satu biasanya dikarenakan pendapatan yang tidak mencukupi keperluan sara hidup. Pemberian pembiayaan kepada pelanggan tidak semua jenis usaha diberikan modal oleh BQ-BIMA Banda Aceh.

Jadual 4.6 : Jenis Pekerjaan

Pekerjaan	Jumlah	Peratus (%)
Perniagaan	2	4.3
Swasta	32	68.1
Pegawai kerajaan	1	2.1
Lain-lain	12	25.5
Jumlah	47	100.0

Sumber : maklumat dari soal selidik kajian

¹ Perguruan Tinggi ialah yang melanjutkan studi di university, institute dan akademi.

Dari jadual 4.6 sebahagian besar (32 orang atau 68.1%) responden mempunyai pekerjaan swasta, selanjutnya (12 orang atau 25.5%) responden menjawab yang lain-lain. Sementara (2 orang atau 4.3%) bekerja sebagai peniaga dan (1 orang atau 2.1%) sebagai pegawai kerajaan. Setelah kita melihat jumlah dan peratusan di atas terdapat yang paling banyak jenis pekerjaannya ialah wiraswasta, di ikuti dengan responden memilih yang lain, selanjutnya responden memiliki pekerjaan perniagaan dan yang paling sedikit jenis pekerjaannya ialah responden yang bekerja pegawai kerajaan. Kepentingan mengukur jenis pekerjaan ialah untuk melihat taraf pekerjaan rata-rata responden. Ini dianggap perlu kerana jenis pekerjaan menentukan taraf dalam memenuhi keperluan hidup, akan tetapi jenis pekerjaan juga tidak boleh mengukur keperluan hidup boleh terpenuhi kesemuanya. Jenis pekerjaan ini boleh melihat kesesuaian penyaluran yang dilakukan oleh BQ-BIMA terhadap ahlinya yang mendapatkan pembiayaan program pembangunan ekonomi masyarakat.

Jadual 4.7: Pendapatan Bulanan

Pendapatan Bulanan	Banyaknya	Peratus (%)
Rp. < 500000	1	2.1
Rp. 500000 – Rp. 1000000	2	4.3
Rp. 1000000 – Rp. 2000000	15	31.9
Rp. 2000000 >	29	61.7
Jumlah	47	100,0

Sumber : maklumat dari soal selidik kajian

Dilihat dari jadual 4.7 sebahagian besar (29 orang atau 61.7 %) jumlah pendapatan di atas Rp. 2,000,000.- , selanjutnya (15 orang atau 31.9%) mempunyai pendapatan Rp. 1,000,000.- hingga Rp. 2,000,000.-. Sementara (2 orang atau 4.3%) responden mempunyai pendapatan Rp. 500,000.- hingga Rp. 1,000,000.- dan (1 orang atau 2.1%) Rp. 500,000.- ke bawah.

Jadual 4.8: Bajet Bulanan

Bajet Bulanan	Bilangan	Peratus
500000 – 1000000	6	12.8
1000000 – 2000000	32	68.1
2000000 >	9	19.1
Total	47	100.0

Sumber : maklumat dari soal selidik kajian

Dari jadual 4.8 sebahagian besar (32 orang atau 68.1%) responden menggunakan bajet bulanan Rp. 1,000,000.- hingga Rp. 2,000,000.-, selanjutnya (9 orang atau 19.1%) Rp. 2,000,000.- Lebih. Sementara (6 orang atau 12.8%) responden menghabiskan bajet Rp. 500,000.- hingga Rp. 1,000,000.-.

Bagi melihat penggunaan bajet bersesuaian dengan pendapatan dari jadual 4.7 dan jadual 4.8 peneliti melihat pada penggunaan wang dengan jumlah yang paling banyak ialah lebih dari Rp. 2,000,000.- yang mempunyai pendapatan berjumlah 29 orang atau 61.7%, sedangkan pada penggunaan bajet menjadi 9 orang atau 19.1%. Kerana terjadi pengurangan pada penggunaan bajet Rp. 2.000,000.- yang lebih banyak, maka peneliti menilai responden secara purata mencukupi keperluan hidup.

4.2.6 Kawasan Pekerjaan

Jadual 4.9: Kawasan Tempat Bekerja

Tempat Bekerja	Bilangan	Peratus %
Pusat Bandar	16	34.0
Pinggir Bandar	30	63.8
Kampung	1	2.1
Jumlah	47	100.0

Sumber : maklumat dari soal selidik kajian

Jadual 4.9 tempat usaha responden didapati sebahagian besar bekerja pada pinggiran bandar sebanyak (30 orang atau 63.8 %) dan (16 orang atau 34 %) terdapat di pusat Bandar. Sementara yang usahanya di perkampungan terdapat (1 orang atau 2.1 %). Dari

bilangannya di dapati yang paling banyak bekerja ialah di kawasan pinggir bandar dan selanjutnya diikuti dengan pusat Bandar. Sedangkan yang paling sedikit memilih usahanya adalah di perkampungan. Untuk usaha yang bertempat di bandar dan pinggiran bandar, ini lebih banyak bekerja sebagai peniaga dan perusahaan keluarga (home industry). Bagi yang di perkampungan biasanya usaha yang sedang di gelut ialah bahagian penternakan. Kalau dilihat dari kawasan tempat bekerja secara purata responden bekerja pada sektor perniagaan dan perusahaan rumah.

4.3 Maklumat Bentuk Pembangunan Ekonomi Masyarakat

4.3.1 Jenis Usaha

Maklumat tentang berdasarkan jenis usaha, jumlah pembiayaan, jumlah diperlukan dan kesesuaiannya sangat perlu bagi menggambarkan pembiayaan yang di agihkan oleh BQ-BIMA Banda Aceh. Maklumat ini juga akan menggambarkan boleh berjalannya usaha yang dibuat oleh ahli sebagai penerima pembiayaan kerana dalam menjalankan usaha, modal merupakan yang paling utama. Apabila modal yang diperlukan kurang daripada yang di agihkan maka usaha tidak akan maksimum dan boleh jadi akan rugi. Begitu juga dengan kelebihan dalam pembiayaan, ini akan mengakibatkan pembaziran wang dan kerana wang tidak terkelola boleh terjadi akan terjadi hambatan dalam membayar semula modal.

Jadual 4.10 : Jenis Pekerjaan

Jenis Pekerjaan	Bilangan	Peratus (%)
Berniaga	32	68.1
Perusahaan Keluarga	12	25.5
Kemahiran	2	4.3
Lain-lain	1	2.1
Jumlah	47	100.0

Sumber : maklumat dari soal selidik kajian

Dari jadual 4.10; sebahagian besar (32 orang atau 68.1%) responden berniaga, selanjutnya (12 orang atau 25.5%) yang mempunyai perusahaan keluarga. Sementara (2 orang atau 4.3%) bekerja sebagai kemahiran dan (1 orang atau 2.1%) menjawab yang lain-lain. Hasil daripada jumlah responden yang paling banyak menggunakan pembiayaan program pembangunan ekonomi masyarakat ialah untuk usaha perniagaan. Perniagaan yang dilakukan oleh responden meliputi beberapa jenis perniagaan di antaranya ialah penjual sayur, runcit, rokok, kredit telefon bimbit dan pakaian.² Untuk perusahaan keluarga pekerjaan yang dilakukan ialah secara purata membuat kek, membuat gorengan dan sapu ijok. Sedangkan untuk usaha kemahiran di sini seperti usaha perbengkelan dan salon kecantikan. Untuk kemahiran di BQ-BIMA juga dikategorikan sebagai usaha keluarga Sedangkan responden yang menjawab yang lain-lain tidak disebutkan jenis pekerjaan yang di buat. Dari huraian di atas pembiayaan yang di agihkan oleh BQ-BIMA Banda Aceh secara purata sudah tepat sasaran.

4.3.2 Jumlah Pembiayaan dan Jumlah Yang Cukup

Jumlah pembiayaan yang merupakan penentuan cukup dan tidaknya usaha boleh dijalankan dengan baik.

Jadual 4.11: Jumlah Pembiayaan

Jumlah Pembiayaan	Bilangan	Peratus %
Rp. 1,000,000.- -Rp. 10,000,000.-	24	51.1
Rp. 11,000,000.- -Rp. 20,000,000.-	7	14.9
Rp. 21,000,000.- - Rp. 30,000,000.-	1	2.1
Rp. 31,000,000.- Lebih	15	31.9
Jumlah	47	100.0

Sumber : maklumat dari soal selidik kajian

Di lihat dari jadual 4.11, sebahagian besar (24 orang atau 51.1%) responden yang mendapat pembiayaan Rp. 1,000.000,- hingga Rp. 10,000,000,- , selanjutnya (15 orang atau 31.9%) yang mendapatkan Rp. 31,000,000,- lebih. Sementara (7 orang atau 14.9%)

² Hasil pemantauan peneliti pada beberapa tempat responden di sekitar Banda Aceh pada tanggal 23-25 September 2010.

responden yang mendapatkan Rp. 11,000,000,- hingga Rp. 20,000,000,- sedangkan (1 orang atau 2.1%) yang mendapatkan Rp. 21,000,000,- hingga Rp. 30,000,000,-.

4.12: Jumlah Yang Cukup Untuk Usaha

Jumlah Yang Cukup Untuk Usaha	Bilangan	Peratusan
1000000-10000000	18	38.3
11000000-20000000	9	19.1
21000000-30000000	4	8.5
31000000 >	16	34.0
Total	47	100.0

Sumber : maklumat dari soal selidik kajian

Jadi jadual 4.12 sebahagian responden (18 orang atau 38.3%) yang cukup untuk usaha dengan jumlah pembiayaan Rp. 1,000.000,- hingga Rp. 10,000,000,-, selanjutnya (16 orang atau 34 %) yang cukup dengan pembiayaan Rp. 31,000,000,- lebih. Sementara (9 orang atau 19.1%) responden yang cukup dengan Rp. 11,000,000,- hingga Rp. 20,000,000,- dan (4 orang atau 8.5%) yang cukup dengan Rp. 21,000,000,- hingga Rp. 30,000,000,-.

Dari jadual 4.11 berbanding jadual 4.12 di atas tidak semua responden mendapatkan pembiayaan sesuai yang di cadangkan, hal ini dapat di lihat yang mendapatkan pembiayaan Rp. 1,000.000,- hingga Rp. 10,000,000,- ialah 51.1 % sedangkan yang menyatakan cukup berkurang (12.8%), selanjutnya yang mendapatkan Rp. 11,000,000,- hingga Rp. 20,000,000,- 14% sedangkan yang menyatakan cukup bertambah 4.2%. Sementara yang mendapat pembiayaan Rp. 21,000,000,- hingga Rp. 30,000,000,- 2.1% sedangkan yang menyatakan cukup bertambah 6.4%. dan yang mendapatkan pembiayaan Rp. 31.000.000,- Lebih 31.9% sedangkan yang menyatakan cukup bertambah 2.1%. Huraian ini terdapat jumlah pembiayaan yang diberikan lebih ramai yang menyatakan cukup berbanding jumlah yang tidak cukup.

4.3.3 Pandangan Responden Terhadap Jumlah Pembiayaan

Kesesuaian dalam pembiayaan sangat diperlukan bagi memenuhi keperluan usaha sehingga boleh dilaksanakan.

Jadual 4.13: Kesesuaian Jumlah Pembiayaan

Kesesuaian Jumlah Pembiayaan	Bilangan	Peratus (%)
Sangat sesuai	7	14.9
Sesuai	30	63.8
Kurang sesuai	9	19.1
Tidak sesuai	1	2.1
Jumlah	47	100.0

Sumber : maklumat dari soal selidik kajian

Dilihat dari jadual 4.13 sebahagian besar (30 orang atau 63.8%) yang menjawab sesuai, selanjutnya yang menjawab kurang sesuai (9 orang atau 19.1%). Sementara yang menjawab sangat sesuai (7 orang atau 14.9) dan (1 orang atau 2.1%) yang menjawab tidak sesuai. Jadi jadual ini menunjukkan bahawa kesesuaian jumlah pembiayaan yang di agihkan kerana responden yang menyatakan sesuai dengan pembiayaan paling ramai dengan peratusan 63.8 %.

4.4 Analisis Peranan Program Pembangunan Ekonomi Masyarakat Terhadap Peningkatan Pendapatan Ekonomi, Pendidikan dan Kesihatan.

Analisis untuk mengetahui sumbangan program pembangunan ekonomi masyarakat di BQ-BIMA Banda Aceh terhadap peningkatan ekonomi, pendidikan dan kesihatan, yang akan diuji dengan beberapa soalan yang berhubung kait dengannya. Soalan-soalan tersebut telah di himpun ke dalam jadual-jadual untuk dihuraikan dan di ambil kesimpulan. Sebagai ukuran peningkatan ekonomi, pendidikan dan kesihatan diambil kira daripada terjadinya peningkatan selepas pembiayaan modal kepada ahli-ahlinya berbanding sebelum ada pembiayaan modal.³

³ Tuan Mufti Almahfudz, Manager Baitul Qiradh Bina Insan Mandiri Banda Aceh. Temubual pada 25 September 2010.

4.4.1 Peningkatan Pendapatan Ekonomi

Bagi mendapatkan gambaran tentang peningkatan pendapatan ekonomi maka perlu dilihat peningkatan sebelum dan selepas menerima pembiayaan daripada BQ-BIMA Banda Aceh. Gambaran tersebut dapat dilihat daripada jadual-jadual yang berhubung kait dengan peningkatan pendapatan iaitu tentang keuntungan usaha, kawasan pemasaran, amalan pakaian baru dalam setahun, penggunaan memasak nasi, penggunaan kenderaan, dan peralatan rumah.

Jadual 4.14: Berdasarkan Hasil Keuntungan Usaha

Hasil Keuntungan Usaha	Sebelum Menerima Pembiayaan		Sesudah Menerima Pembiayaan	
	Bilangan	Peratus (%)	Bilangan	Peratus (%)
Rp. 500,000.- - Rp. 1,000,000.-	4	8.5	2	4.3
Rp. 1,010,000.- -Rp. 1,500,000.-	9	19.1	4	8.5
Rp. 1,510,000, - -Rp. 2,000,000.-	16	34.0	8	17.0
Rp. 2,000,000.- Lebih	18	38.3	33	70.2
Jumlah	47	100,0	47	100,0

Sumber : maklumat dari soal selidik kajian

Peningkatan ekonomi perlu mengetahui hasil usaha atau keuntungan daripada usaha pelanggan. Keuntungan ini akan dibandingkan dengan sebelum dan sesudah menerima pembiayaan dari BQ-BIMA Banda Aceh. Pada jadual 4.14 peneliti menyediakan pilihan jawapan “(Rp. 500,000.- hingga Rp. 1,000,000.-), (Rp. 1,010,000.- hingga Rp. 1,500,000.-), (Rp. 1,510,000.- hingga Rp. 2,000,000.-) dan (Rp. 2,000,000.- Lebih). Penilaian terhadap jumlah pendapatan usaha memerlukan klarifikasi terhadap jawapan tersebut bagi mengetahui tingkatan yang lebih baik sampai tidak baik. Penilaian tersebut, bagi yang menjawab keuntungan Rp. 2,000,000.- Lebih dikategorikan *Sangat Baik*, selanjutnya Rp. 1,510,000.- - Rp.2,000,000.- *Baik*.

Sementara jawapan Rp. 1,010,000.- -Rp. 1,500,000.- “*Kurang Baik*” dan yang menjawab Rp. 500,000.- - Rp. 1,000,000.- *Tidak Baik*.

Jadual 4.14 menunjukkan hasil keuntungan usaha sebelum pembiayaan paling ramai pelanggan mempunyai keuntungan Rp 2,000,000- Lebih dengan peratusan 38.3%. Selanjutnya 34% yang mempunyai keuntungan antara Rp. 1,510,000.- hingga Rp. 2,000,000.. Sementara yang mendapatkan keuntungan sebelum pembiayaan Rp. 1,010,000.- hingga Rp. 1,500,000.- berjumlah 19.1% dan 8.5% yang mendapat keuntungan Rp. 5,00,000.- hingga Rp. 1,000,000. Pada jadual 4.14 memberi gambaran bahawa program pembangunan ekonomi dari BQ-BIMA Banda Aceh telah memberi peningkatan terhadap pendapatan pelanggan. Peningkatan ini hanya terjadi pada pelanggan yang mempunyai keuntungan Rp 2,000,000- Lebih, dengan jumlah peningkatan 31.9%. Peningkatan terjadi karena berkurangnya pelanggan yang mendapat keuntungan Rp. 1,510,000.- hingga Rp. 2,000,000.- sebanyak 17% dan 10.6% terjadi pengurangan pada pelanggan yang mendapat keuntungan Rp. 1,010,000.- hingga Rp. 1,500,000.-. Selanjutnya pelanggan yang mendapat keuntungan Rp. 5,00,000.- hingga Rp. 1,000,000,- menurun menjadi 4.2%. Terjadinya peningkatan pada pelanggan yang menjawab 2,000,000,- lebih maka sesuai dengan klasifikasinya peningkatan yang terjadi ialah sangat baik.

Jadual 4.15 : Kawasan Pemasaran

Kawasan Pemasaran	Sebelum Menerima Pembiayaan		Sesudah Menerima Pembiayaan	
	Bilangan	Peratus (%)	Bilangan	Peratus (%)
Bandar dan Pinggir Bandar	22	46.8	20	42.6
Bandar	14	29.8	18	38.3
Pinggir Bandar	10	21.3	8	17.0
Lain-lain	1	2.1	1	2.1
Jumlah	47	100.0	47	100.0

Sumber : maklumat dari soal selidik kajian

Analisis peningkatan pendapatan ekonomi juga perlu melihat wilayah tempat pemasaran usaha. Nilai produksi boleh dilihat dengan peningkatan wilayah pemasaran yang dilakukan oleh pelanggan. Untuk mengetahui tentang wilayah pemasaran pelanggan BQ-BIMA Banda Aceh peneliti menyediakan jawapan pada soalan ini “Bandar dan Pinggir Bandar, Bandar, Pinggir Bandar dan lain-lain. Peningkatan akan mudah dilihat dengan mengelaskan penilaian *Sangat Baik, Baik, Kurang Baik dan Tidak Baik*. Pada jadual 4.15 Peningkatan *Sangat Baik* untuk jawapan di “bandar dan pinggir bandar”, *Baik* untuk yang di “bandar”, untuk di “pinggir bandar” *Kurang Baik* dan “lain-lain” *Tidak Baik*. Untuk yang lain-lain boleh saja usahanya terdapat di perkampungan di wilayah tempat tinggal pelanggan.

Jadual 4.15 menunjukkan kawasan pemasaran sebelum pembiayaan yang paling ramai pelanggan menjawab pemasaran pada “bandar dan pinggir bandar” seramai 46.8% dan 29.8% yang memasarkan hanya pada “bandar”. Sementara yang memasarkan di pinggir bandar terdapat 21.3% dan yang menjawab yang lain-lain 2.1%. Jadual ini memberi gambaran bahawa peningkatan ekonomi terjadi setelah pembiayaan hanya pada pemasaran di bandar sahaja sebanyak 8.5%. Peningkatan terjadi karena pemasaran di pinggir bandar menurun (4.3%) dan yang menjawab lain-lain sama dengan peratusan sebelum pembiayaan. Sementara pelanggan yang menjawab “bandar dan pinggir bandar” berkurang 4.2%. Berkurangnya pelanggan yang sanggup memasarkan ke bandar dan pinggir bandar menandakan peningkatan yang terjadi hanya pada tingkatan baik sahaja.

Jadual 4.16 : Jumlah Pakaian Baru dalam Setahun

Jumlah Pakaian Baru dalam Setahun	Sebelum Menerima Pembiayaan		Sesudah Menerima Pembiayaan	
	Bilangan	Peratus (%)	Bilangan	Peratus (%)
Lebih dari tiga helai	17	36.2	29	61.7
Dua helai	23	48.9	14	29.8
Sehelai	6	12.8	3	6.4
Tidak ada	1	2.1	1	2.1
Jumlah	47	100.0	47	100.0

Sumber : maklumat dari soal selidik kajian

Kekerapan berbelanja pakaian baru dalam setahun, juga boleh melihat dampak daripada peningkatan pendapatan ekonomi atau tidak. Dalam jadual 4.16 peneliti menyediakan jawapan untuk dipilih oleh responden *lebih dari tiga helai, dua helai, sehelai dan tidak ada*. Bagi memudahkan untuk melihat peningkatannya penulis memberi penilaian terhadap jawapan yang ada pada jadual ini dengan katagori “lebih dari tiga helai” dinilai *Sangat Baik*, “dua helai” dikategorikan *Baik*, “sehelai” *Kurang Baik*, dan “tidak ada” *Tidak Baik*. Jawapan responden yang menjawab tidak ada bererti responden yang tidak mampu membeli pakaian baru satupun dalam setahun.

Jadual 4.16 menunjukkan jumlah berbelanja pakaian baru dalam setahun terdapat 36.2% pelanggan yang berbelanja lebih dari tiga helai dan 48.9% yang berbelanja dua helai dalam setahun. Sementara yang berbelanja sehelai dalam setahun terdapat 12.8% dan yang menjawab “tidak ada” atau tidak belanja satu helai pun dalam setahun 2.1%. Dari jadual ini juga menunjukkan bahawa setelah mendapat pembiayaan dari BQ-BIMA Banda Aceh jumlah pelanggan yang berbelanja sehelai dalam setahun menurun sebanyak 6.4% dan untuk yang menjawab “tidak ada” nilainya sama dengan sebelum pembiayaan. Jumlah pelanggan yang berbelanja lebih dari tiga helai dalam setahun meningkat sebanyak 25.5% dan 19.1% yang berbelanja dua helai dalam setahun. Pada jadual 4.16 memberi gambaran bahawa program pembangunan ekonomi

dari BQ-BIMA Banda Aceh telah memberi peningkatan terhadap pendapatan pelanggan. Peningkatan berbelanja pakaian baru dalam setahun terlihat apabila terjadi penurunan jumlah pelanggan yang berbelanja sehelai dalam setahun. Manakala terjadi peningkatan kemampuan pelanggan dalam berbelanja dua sampai tiga helai lebih pakaian baru dalam setahun, maka peningkatan pelanggan dinilai sangat baik.

Jadual 4.17 : Peralatan Memasak Nasi

Peralatan Memasak Nasi	Sebelum Menerima Pembiayaan		Sesudah Menerima Pembiayaan	
	Bilangan	Peratus %	Bilangan	Peratus %
Menggunakan Elektrik	5	10.6	6	12.8
Gas	29	61.7	33	70.2
Minyak tanah	12	25.5	7	14.9
Kayu Bakar	1	2.1	1	2.1
Jumlah	47	100,0	47	100,0

Sumber : maklumat dari soal selidik kajian

Memiliki alat memasak nasi yang lebih efektif merupakan suatu peningkatan dalam penggunaan yang lebih memudahkan seseorang dalam melakukan aktiviti rumah. Analisis tentang penggunaan dalam memasak nasi boleh melihat taraf peningkatannya dengan membandingkan antara sebelum dan sesudah penerima pembiayaan. Dalam jadual 4.17 penulis menyediakan jawapan penggunaan masak nasi dengan menggunakan *elektrik, gas, minyak tanah dan kayu bakar*. Untuk memudahkan dalam menggolongkan tingkat peningkatannya maka penulis memberi penilaian terhadap jawapan pelanggan yang menggunakan “elektrik” *sangat baik*, menggunakan “gas” *baik*, menggunakan “minyak tanah” *kurang baik* dan menggunakan “kayu bakar” *tidak baik*.

Jadual 4.17 menunjukkan penggunaan dalam memasak nasi sebelum pembiayaan hanya 10.6% pelanggan yang menggunakan elektrik dan selanjutnya yang

menggunakan Gas 61.7%. Sementara yang menggunakan minyak tanah 25.5% dan yang menggunakan kayu bakar 2.1%. Dari jadual ini juga menunjukkan bahawa setelah mendapat pembiayaan dari BQ-BIMA Banda Aceh jumlah jawapan “minyak tanah” menurun sebanyak 10.6% dan yang menggunakan kayu bakar sama dengan sebelum pembiayaan. Jumlah pelanggan yang memilih menggunakan Gas meningkat sebanyak 8.5% dan yang menggunakan Elektrik meningkat 2.2%. Pada jadual 4.17 memberi gambaran bahawa program pembangunan ekonomi dari BQ-BIMA Banda Aceh telah memberikan peningkatan terhadap pendapatan pelanggan. Peningkatan penggunaan dalam memasak nasi boleh dilihat dengan menurunnya pada jawapan “minyak tanah dan meningkat pada penggunaan Gas dan elektrik. Disebabkan peningkatan pelanggan yang menggunakan Gas dan elektrik maka peningkatan ini dinilai sangat baik.

Jadual 4.18 : Penggunaan Kenderaan

Penggunaan Kenderaan	Sebelum Menerima Pembiayaan		Sesudah Menerima Pembiayaan	
	Bilangan	Peratus (%)	Bilangan	Peratus (%)
Kereta	4	8.5	7	14.9
Motosikal	38	80.9	31	66.0
Basikal	2	4.3	4	8.5
Kenderaan Umum	3	6.4	5	10.6
Jumlah	47	100.0	47	100.0

Sumber : maklumat dari soal selidik kajian

Salah satu peningkatan pendapatan boleh melihat daripada penggunaan kenderaan terhadap pelanggan. Penggunaan kenderaan sangat membantu dan memudahkan seseorang untuk beraktiviti baik untuk bekerja mahupun untuk kegunaan keseharian. Dalam jadual 4.18 peneliti telah menyediakan pilhan jawapan untuk pelanggan sebagai maklumat menggunakan kenderaan iaitu pelanggan menggunakan *kereta, motorsikal, basikal dan kenderaan umum*”. Untuk penilaiannya terhadap pilihan

jawapan responden yang memilih “kereta” dinilai *Sangat Baik*, “motor” *Baik*, “basikal” *Kurang Baik* dan “kenderaan umum” *Tidak Baik*.

Jadual 4.18 menunjukkan sebelum pembiayaan hanya 8.5% pelanggan yang memiliki kereta dan 80.9% yang mempunyai motosikal. Selanjutnya terdapat pelanggan yang mempunyai basikal 4.3% dan yang menggunakan kenderaan umum sebanyak 6.4%. Jadual 4.18 memberi gambaran bahawa tidak memberi banyak pengaruh terhadap peningkatan ekonomi pelanggan. Karena terjadi pengurangan dalam penggunaan kenderaan sesudah menerima pembiayaan berbanding sebelum pembiayaan. Setelah adanya pembiayaan dari BQ-BIMA Banda Aceh jumlah jawapan pelanggan terhadap penggunaan kereta hanya meningkat 6.5%. Sementara jumlah pengguna motosikal berkurang sebanyak 14.6%, manakala pengguna basikal meningkat 4.3% dan 4.2% terhadap pengguna kenderaan umum. Menurunnya penggunaan motosikal dan meningkat pada penggunaan basikal beserta dengan kenderaan umum, maka keadaan ini tidak berdampak terhadap peningkatan ekonomi yang dialami oleh pelanggan. Karena lebih besar pengurangan berbanding peningkatan selepas pembiayaan maka peneliti mengelaskan peningkatan penggunaan kenderaan tidak baik.

Jadual 4.19 : Peralatan Rumah

Kelengkapan Peralatan Rumah	Sebelum Menerima Pembiayaan		Sesudah Menerima Pembiayaan	
	Bilangan	Peratus (%)	Bilangan	Peratus (%)
Semua ada	11	23.4	15	31.9
Sebahagian	33	70.2	29	61.7
Satu di antaranya	3	6.4	2	4.3
Tidak ada			1	2.1
Jumlah	47	100.0	47	100.0

Sumber : maklumat dari soal selidik kajian

Peralatan dalam rumah salah satu ukuran seseorang mempunyai pendapatan yang berkecukupan atau tidak. Peralatan yang dimaksudkan ialah tentang kelengkapan

seperti TV, peti sejuk dan mesin basuh. Untuk mendapatkan maklumat tentang kelengkapan tersebut dalam jadual 4.19 terdapat mlihat jawapan *semua ada, sebahagian, satu di antaranya dan tidak ada*. Bagi mengambil kesimpulan maka peneliti memberi penilaian terhadap jawapan “semua ada” *sangat baik*, “sebahagian” *baik*, “satu di antaranya” *kurang baik* dan “tidak ada” *tidak baik*.

Jadual 4.19 menunjukkan sebelum pembiayaan terdapat 23.4% pelanggan yang memilih “semua ada” dan 70.2% yang menjawab “sebahagian”. Sementara pelanggan yang mempunyai kelengkapan “satu di antaranya” 6.4%. Sesudah mendapat pembiayaan dari BQ-BIMA Banda Aceh jadual 4.19 menunjukkan bahawa terdapat 2.1% yang menjawab “tidak ada” yang sebelum pembiayaan tidak didapati. Sementara pelanggan yang menjawab semua ada setelah ada pembiayaan meningkat 8.5% dengan menurunnya pelanggan yang menjawab “sebahagian” iaitu 8.5%. Secara peratusan menunjukkan lebih ramai peningkatan kelengkapan rumah terhadap pelanggan yang menjawab “semua ada” berbanding dengan jawapan “tidak ada” yang hanya terdapat 2.1% setelah pembiayaan. Oleh itu, peneliti menilai secara klasifikasi terjadi peningkatan pada penilaian baik sekali.

Setelah di analisis daripada jadual-jadual tentang peningkatan ekonomi peneliti penilai secara purata terjadi peningkatan daripada sebelum menerima pembiayaan modal meningkat sesudah mendapatkan modal dari BQ-BIMA.

4.4.2 Sektor Pendidikan

Sektor pendidikan boleh mengukur tahap kemampuan terhadap perkembangan ekonomi. Sektor ini akan melihat tentang kemampuan menyekolahkan anak, tempat belajar tambahan anak, tempat mengaji anak, kekerapan belanja pakaian sekolah dalam setahun dan kelengkapan alat tulis dan membaca.

Jadual 4.20 : Jumlah Kemampuan Menyekolahkan Anak

Tahap Kemampuan Menyekolahkan Anak	Sebelum Menerima Pembiayaan		Sesudah Menerima Pembiayaan	
	Bilangan	Peratus (%)	Bilangan	Peratus (%)
Universiti	8	17.0	16	34.0
SMA	14	29.8	8	17.0
SMP&SD	1	2.1		
Tidak Ada	24	51.1	23	48.9
Jumlah	47	100.0	47	100.0

Sumber : maklumat dari soal selidik kajian

Mengukur kesejahteraan tidak terlepas dengan tahap pendidikan, sama ada pendidikan untuk dirinya mahupun kemampuan pendidikan untuk keluarga. Analisis tentang peringkat kemampuan menyekolahkan anak boleh memberi maklumat tentang kemampuan ekonomi pelanggan. Jadual 4.20 akan melihat peringkat kesanggupan pelanggan menyekolahkan anak ke peringkat SMP&SD, SMA dan Universiti. Bagi memudahkan untuk penilaian peneliti mengelaskan peringkat “Universiti” dinilai *Sangat Baik*, “SMA” dikategorikan *Baik*, “SMP&SD” *Kurang Baik*, dan “Tidak Ada” *Tidak Baik*.

Jadual 4.20 menunjukkan bahawa terdapat sebanyak 17% pelanggan yang sanggup menyekolahkan anaknya ke peringkat universiti sebelum pembiayaan. Sementara 29.8% pelanggan sanggup menyekolahkan anak pada peringkat SMA dan terdapat 2.1% yang sanggup menyekolahkan anak pada peringkat SMP. Sedangkan jawapan yang paling ramai dipilih ialah “tidak ada” (51.%), jawapan ini diperolehi

karena ramai pelanggan yang belum menyekolahkan anak. Dari jadual 4.20 menunjukkan bahawa setelah mendapat pembiayaan dari BQ-BIMA Banda Aceh jumlah yang menyatakan “tidak ada” menurun sebanyak 2.2%. Sementara pelanggan yang sanggup menyekolahkan keperingkat universiti meningkat sebanyak 17%. Disebabkan terjadi peningkatan pada peringkat universiti maka akan terjadi penurunan terhadap pelanggan yang sanggup menyekolahkan anak pada peringkat SMA (12%) dan SMP (2.1%). Hasil daripada analisis dapat disimpulkan jadual ini menunjukkan terjadi peningkatan dengan sangat baik karena hanya terjadi peningkatan terhadap responden yang sanggup menyekolahkan anak keperingkat universiti dan menurun pada peringkat SMA, SMP dan yang menjawab “tidak ada”.

4.21 : Jenis Pembelajaran Tambahan Untuk Anak

Jenis	Sebelum Menerima Pembiayaan		Sesudah Menerima Pembiayaan	
	Bilangan	Peratus (%)	Bilangan	Peratus (%)
Privat	2	4.3	4	8.5
Tuisyen	5	10.6	11	23.4
Belajar sendiri	8	17.0	4	8.5
Tidak Ada	32	68.1	28	59.6
Jumlah	47	100.0	47	100.0

Sumber : maklumat dari soal selidik kajian

Tempat kelas pembelajaran tambahan untuk anak boleh memberikan gambaran seseorang berkemampuan atau tidak dalam memenuhi keperluannya. Dalam jadual 4.21 untuk mendapatkan maklumat tentang tempat belajar tambahan untuk anak peneliti menyediakan jawapan *Belajar Privat, Lembaga Tuisyen, Bimbingan Orang Tua dan Tidak Ada*” Bagi memudahkan untuk melihat peningkatannya penulis memberi penilaian terhadap jawapan yang ada pada soalan ini yang dikategorikan bagi responden yang menjawab pilihan “belajar privat” dinilai *Sangat Bagus*, “lembaga tuisyen” *Baik*, “bimbingan orang tua” *Kurang Baik*, dan “tidak ada” *Tidak Baik*.

Dari Jadual 4.21 menunjukkan bahawa hanya sedikit pelanggan yang memilih privat (4.3%) dan tuisyen (10.6%). Seramai 17% responden memilih jawapan untuk belajar sendiri. Belajar sendiri bermakna belajar dirumah dengan panduan orang tua. Jawapan yang paling ramai dipilih dari Jadual 4.21 ialah tidak ada (68.1%), jawapan ini diperolehi kerana ramai pelanggan yang menjelaskan tidak mampu untuk memberikan privat tambahan, tuisyen dan tidak memiliki masa yang cukup serta tidak berkemampuan untuk menyelia anak-anak mereka. Masalah ekonomi seperti kurangnya pendapatan ialah penyebab utama daripada responden tidak mampu memberikan privat dan tuisyen kepada anak-anak mereka. Program pendanaan yang diberikan oleh BQ-BIMA Banda Aceh memberikan pengaruh positif bagi peningkatan pendapatan pelanggan. Dengan meningkatnya pendapatan, ramai para pelanggan mengaku telah dapat memberikan privat tambahan dan tuisyen. Dari Jadual 4.21 menunjukkan bahawa setelah mendapat pendanaan dari BQ Bima jumlah jawapan “tidak ada” menurun sebanyak 8.5%. Jumlah responden yang mengikuti privat dan tuisyen meningkat setelah adanya pendanaan. Jumlah tersebut iaitu 4.2% untuk privat dan 12.8% untuk tuisyen. Disebabkan ada peningkatan yang mengikuti privat dan tuisyen maka dikategorikan peningkatan yang terjadi sangat baik.

Jadual 4.22 : Tempat Pembelajaran Mengaji Anak

Tempat Pembelajaran Mengaji Anak	Sebelum Menerima Pembiayaan		Sesudah Menerima Pembiayaan	
	Bilangan	Peratus (%)	Bilangan	Peratus (%)
Privat	1	2.1		
TPA unggul	6	12.8	8	17.0
TPA biasa	7	14.9	8	17.0
Tidak Ada	33	70.2	31	66.0
Jumlah	47	100.0	47	100.0

Sumber : maklumat dari soal selidik kajian

Keperluan mengaji anak sama halnya dengan keperluan pendidikan yang lain, keperluannya sangat berhubungkait dengan kemampuan ekonomi keluarga. Semakin tinggi pendapatan keluarga, maka akan semakin tinggi keinginan untuk dapat memberikan fasiliti yang lebih berkualiti untuk anak. Belajar mengaji merupakan keperluan seorang anak Islam yang patut mendapatkan kualiti yang bagus, karena dengan kualiti yang baik akan memudahkan bagi anak dalam melanjutkan pendidikan keperingkat yang lebih tinggi. Analisis tentang tempat kelas pembelajaran mengaji untuk anak, dalam jadual 4.22 peneliti menyediakan jawapan “*belajar privat, TPA unggul, TPA biasa dan tidak ada*”. Bagi memudahkan untuk melihat peningkatannya penulis memberi penilaian terhadap jawapan yang “Belajar Privat” dinilai *Sangat Baik*, “TPA unggul” *Baik*, “TPA Biasa” *Kurang Baik*, dan “Tidak ada” *Tidak Baik*.

Jadual 4.22 menunjukkan sebelum pembiayaan hanya 2.1% pelanggan yang memilih belajar privat. Selanjutnya 12.8% pelanggan memilih jawapan untuk belajar di tempat TPA unggul dan 14.9% yang memilih TPA biasa. Sementara jawapan yang paling ramai dipilih dari jadual 4.22 sebelum pembiayaan ialah “tidak ada” (70.3%). Jawapan ini diperolehi karena pelanggan tidak mampu untuk memilih privat, TPA unggul dan TPA biasa. Program pembangunan ekonomi dari BQ-BIMA Banda Aceh telah memberikan peningkatan terhadap pendapatan pelanggan. Peningkatannya berpengaruh kepada peningkatan tempat belajar mengaji anak dengan ramai pelanggan yang meningkat pada tempat belajar di TPA unggul dan TPA biasa. Dari jadual 4.22 menunjukkan bahawa setelah mendapat pembiayaan dari BQ-BIMA Banda Aceh jumlah jawapan “tidak ada” menurun sebanyak 4.2%. Jumlah responden yang memilih tempat pembelajaran mengaji anak di TPA biasa dan TPA unggul meningkat setelah adanya pembiayaan. Jumlah tersebut iaitu 2.1% untuk tempat belajar TPA biasa dan

4.2% untuk tempat belajar TPA unggul. Peningkatan didapati baik, karena paling ramai pelanggan setelah pembiayaan peningkatan pada TPA unggul.

Jadual 4.23 : Jumlah Kekerapan Belanja Pakaian Sekolah Dalam Setahun

Perbelanjaan Pakaian Sekolah Dalam Setahun	Sebelum Menerima Pembiayaan		Sesudah Menerima Pembiayaan	
	Bilangan	Peratus (%)	Bilangan	Peratus (%)
3 Pasang	9	19.1	10	21.3
2 Pasang	12	25.5	14	29.8
1 pasang	5	10.6	3	6.4
Tidak Ada	21	44.7	20	42.6
Jumlah	47	100.0	47	100.0

Sumber : maklumat dari soal selidik kajian

Kesanggupan membeli pakaian sekolah dalam setahun untuk anak, salah satu yang boleh memberikan maklumat tentang kondisi ekonomi keluarga. Kemampuan pelanggan dalam memenuhi keperluan pakaian sekolah anak, diperlukan bagi melihat peningkatan yang terjadi sebelum dan selepas pembiayaan. Mengukur peningkatan ekonomi pelanggan, jadual 4.23 telah menyediakan jawapan sebagai pilihan pelanggan untuk mendapatkan maklumatnya. Maklumat yang diperlukan ialah tentang kekerapan membeli pakaian sekolah anak dalam setahun dengan jumlah “3 Pasang, 2 Pasang, 1 Pasang dan Tidak Ada”. Bagi memudahkan untuk melihat peningkatannya penulis memberi penilaian terhadap pelanggan yang memilih “3 Pasang” dinilai *Sangat Bagus*, “2 Pasang” *Baik*, “1 Pasang” *Kurang Baik*, dan “Tidak Ada” *Tidak Baik*.

Jadual 4.23 menunjukkan sebelum pembiayaan terdapat 19.1% responden yang boleh berbelanja pakaian sekolah dalam setahun 3 pasang. Selanjutnya 12% yang berbelanja 2 pasang dan 10.6% yang berbelanja 1 pasang dalam setahun. Sementara yang paling ramai responden menjawab sebelum pembiayaan ialah tidak ada (44.7%). Jawapan “tidak ada” diperolehi karena responden tidak mampu untuk berbelanja 1 sampai 3 pasang pakaian sekolah dalam setahun. Penyaluran pembiayaan melalui program pembangunan ekonomi di BQ-BIMA Banda Aceh mampu memberikan

perubahan kepada yang lebih positif. Perubahan ini dapat dilihat dengan meningkatnya kemampuan responden dalam berbelanja pakaian sekolah dalam setahun 3 pasang dan 2 pasang. Dari jadual 4.23 menunjukkan bahawa setelah mendapat pembiayaan dari BQ-BIMA Banda Aceh jumlah jawapan “tidak ada” menurun sebanyak 2.3%. Begitu juga responden yang menjawab boleh berbelanja 1 pasang dalam setahun juga menurun sebanyak 4.2%. Sedangkan jumlah responden yang sanggup berbelanja pakaian sekolah 2 samapai 3 pasang dalam setahun meningkat setelah adanya pembiayaan. Jumlah tersebut meningkat 2.2% yang sanggup berbelanja 3 pasang dalam setahun dan 4.3% untuk yang sanggup berbelanja 2 pasang dalam setahun. Dari peningkatannya peneliti menilai sangat baik.

Jadual 4.24 : Kelengkapan Peralatan Tulis dan Membaca

Kelengkapan Peralatan Tulis dan Membaca	Sebelum Menerima Pembiayaan		Sesudah Menerima Pembiayaan	
	Bilangan	Peratus (%)	Bilangan	Peratus (%)
Sangat lengkap	7	14.9	8	17.0
Lengkap	16	34.0	19	40.4
Cukup	6	12.8	2	4.3
Tidak Ada	18	38.3	18	38.3
Jumlah	47	100.0	47	100.0

Sumber : maklumat dari soal selidik kajian

Alat tulis dan membaca untuk anak yang sedang bersekolah sangat menyokong proses pembelajaran anak di sekolah. Kelengkapan ini boleh terpenuhi apabila ekonomi keluarga stabil dan melebihi daripada keperluan asas. Alat tulis dan membaca yang diperlukan ialah buku tulis, buku gambar, pen, pensel, buku pedoman belajar dan lain-lain yang berhubung kait dengan keperluan sekolah. Bagi mendapatkan maklumat pada jadual 4.24 peneliti menyediakan jawapan untuk pelanggan iaitu *Sangat Lengkap*, *Lengkap*, *Cukup*, dan *Tidak Ada*. Untuk memudahkan melihat peningkatan, penulis memberi penilaian terhadap jawapan yang ada pada jadual iaitu pelanggan yang

menjawab “Sangat Lengkap” *Sangat Baik*, “Lengkap” *Baik*, “Cukup” *Kurang Baik*, dan “Tidak Ada” *Tidak Baik*.

Jadual 4.24 menunjukkan sebelum pembiayaan terdapat 14.9% pelanggan yang berkesanggupan untuk menyediakan kelengkapan alat tulis dan membaca sangat lengkap dan 34% pelanggan yang menjawab lengkap. Sementara yang paling sedikit pelanggan menjawab cukup (12.8%). Sedangkan yang paling ramai pelanggan menjawab “tidak ada” iaitu 38.3% sebelum dan sesudah pembiayaan. Jawaban “tidak ada” bermakna pelanggan tidak sanggup menyediakan alat tulis untuk anak. Peningkatan dalam kelengkapan alat tulis dan membaca dipengaruhi oleh faktor ekonomi keluarga. Dari jadual 4.24 menunjukkan setelah mendapat pembiayaan melalui program pembangunan ekonomi jumlah responden yang menjawab cukup menurun seramai 8.5%. Sedangkan jumlah responden yang memilih kelengkapan alat tulis dan baca untuk anak “sangat lengkap” dan “lengkap” meningkat setelah responden menerima pembiayaan. Jumlah tersebut masing-masing terjadi peningkatan 2.1% yang menjawab sangat lengkap dan 6.4% yang menjawab lengkap. Peningkatan pada jadual ini sangat baik, karena pelanggan yang menyatakan sangat lengkap dan lengkap meningkat sesudah pembiayaan.

Setelah di huraikan daripada jadual-jadual tentang kualiti dan fasiliti pendidikan peneliti menilai secara purata terjadi peningkatan daripada sebelum menerima pembiayaan modal meningkat sesudah mendapatkan modal dari BQ-BIMA.

4.4.3 Sektor Kesihatan

Sektor kesihatan ialah segala amalan-amalan hidup sihat yang berhubung kait dengan makanan, minuman, pakaian, tempat tinggal, kebersihan dan tempat perubatan.

Jadual 4.25 : Kekerapan Makan Nasi Dalam Sehari Semalam

Kebiasaan Makan Nasi Sehari Semalam	Sebelum Menerima Pembiayaan		Sesudah Menerima Pembiayaan	
	Bilangan	Peratus (%)	Bilangan	Peratus (%)
Dua kali sehari	10	21.3	11	23.4
Tiga kali sehari	36	76.6	35	74.5
Lain-lain	1	2.1	1	2.1
Jumlah	47	100.0	47	100.0

Sumber : maklumat dari soal selidik kajian

Nasi merupakan makanan asas masyarakat Aceh, maka dalam soalan ini perlu kita melihat bagaimana kekerapan dalam memakan nasi sehari semalam. Sebagai makanan asas, apabila terjadi kekurangan atau tidak berkualiti akan berpengaruh terhadap kesihatan. Keadaan kesihatan juga mempengaruhi kemampuan ekonomi pelanggan. Bagi mendapatkan maklumat dalam jadual 4.25 menunjukkan, jawapan pelanggan tentang kekerapan makan nasi sehari semalam "*Tiga Kali Sehari, Dua Kali Sehari, Sehari Sekali dan Lain-Lain*". Untuk memudahkan melihat peningkatan terhadap pelanggan, maka setiap jawapan pelanggan harus diberi penilaian. Adapun cara untuk menilai jawapan pelanggan dengan mengelaskan jawapan "*Tiga Kali Sehari*" *Sangat Baik*, "*Dua Kali Sehari*" *Baik*, "*Satu Hari Sekali*" *Kurang Baik*, dan "*Lain-Lain*" *Tidak Baik*.

Jadual 4.25 menunjukkan sebelum pembiayaan kekerapan makan nasi dalam sehari semalam yang paling ramai responden menjawab tiga kali (76.6%). Selanjutnya yang menjawab dua kali sehari semalam (21.3%) dan paling sedikit responden yang menjawab lain-lain 2.1%. Jawapan yang lain-lain bermaksud makanan pokok tidak mesti harus makan nasi. Dari jadual 4.25 menunjukkan bahawa setelah mendapat pembiayaan dari BQ-BIMA Banda Aceh jumlah jawapan tiga kali sehari menurun sebanyak 2.1%. Sedangkan jumlah responden yang meningkat pada kekerapan makan

nasi dua kali sehari (2.1%). Maka dari jadual 4.25 menunjukkan peningkatan yang terjadi sangat baik.

Jadual 4.26 : Kekerapan Memakan Ikan dalam Seminggu

Kekerapan Memakan Ikan dalam Seminggu	Sebelum Menerima Pembiayaan		Sesudah Menerima Pembiayaan	
	Bilangan	Peratus (%)	Bilangan	Peratus (%)
> 3 kali	32	68.1	34	72.3
2 kali	12	25.5	11	23.4
1 kali	3	6.4	2	4.3
Jumlah	47	100.0	47	100.0

Sumber : maklumat dari soal selidik kajian

Analisis tentang kekerapan pada memakan ikan dalam seminggu boleh menggambarkan keadaan kesihatan yang juga mempengaruhi pada kemampuan ekonomi seseorang. Untuk mendapatkan maklumat memakan ikan dalam seminggu pada jadual 4.26, pelanggan akan dikategorikan yang memilih jawapan “Tiga Kali” *Sangat Bagus*, “Dua Kali” *Baik*, “Satu Kali” *Kurang Baik*, dan “Tidak Pernah” *Tidak Baik*.

Jadual 4.26 menunjukkan peratusan sebelum menerima pembiayaan kekerapan dalam memakan ikan dalam seminggu sudah memenuhi kelayakan dengan paling ramai pelanggan menjawab lebih tiga kali (68.1%). Selanjutnya yang memakan ikan dalam seminggu dua kali 25.5 %. Sementara yang memakan ikan sebelum pembiayaan satu kali seminggu hanya 6.4%. Dari jadual 4.27 menunjukkan bahawa setelah pembiayaan dari BQ-BIMA Banda Aceh melalui program pembangunan ekonomi jumlah pelanggan yang menjawab satu kali dan dua kali menurun, masing-masing 2.1%. Sedangkan jumlah pelanggan yang memilih jawapan tiga kali dalam seminggu meningkat 4.2% setelah pembiayaan. Peningkatan pada jawapan tiga kali dalam seminggu menunjukkan bahawa program pembangunan ekonomi boleh membawa perubahan terhadap

kekerapan memakan ikan dengan bertambahnya pendapatan. Dari jadual ini boleh dinilai peningkatannya sangat baik.

Jadual 4.27 Kekeperan Memakan Daging dalam Sebulan

Kekeperan Memakan Daging dalam Sebulan	Sebelum Menerima Pembiayaan		Sesudah Menerima Pembiayaan	
	Bilangan	Peratus (%)	Bilangan	Peratus (%)
> 3 kali	4	8.5	9	19.1
2 kali	15	31.9	20	42.6
1 kali	22	46.8	14	29.8
Tidak pernah	6	12.8	4	8.5
Jumlah	47	100.0	47	100.0

Sumber : maklumat dari soal selidik kajian

Analisis tentang kekerapan memakan daging dalam sebulan boleh menggambarkan keadaan kesihatan yang juga mempengaruhi pada kemampuan ekonomi seseorang. Untuk mendapatkan maklumat tentang pelanggan yang memakan daging berpengaruh sebelum dan sesudah mendapat pembiayaan maka peneliti mengelaskan yang memakan daging “tiga kali” *Sangat Baik*, “dua kali” *Baik*, “sekali” *Kurang Baik*, dan “tidak pernah” *Tidak Baik*.

Jadual 4.27 menunjukkan sebelum pembiayaan hanya 8.5% pelanggan yang memilih tiga kali lebih terhadap kekerapan memakan daging dalam sebulan dan 12.8% yang menjawab tidak pernah. Selanjutnya terdapat dua kali mengkonsumsi daging dalam sebulan seramai 31% dan 46.8% yang menjawab satu kali. Secara tidak langsung kekerapan memakan daging dipengaruhi oleh kemampuan ekonomi keluarga. Pengaruhnya dirasakan oleh pelanggan yang mendapatkan pembiayaan dari program pembangunan ekonomi dengan meningkatnya kekerapan memakan daging 2 sampai 3 kali lebih memakan daging dalam sebulan. Dari jadual 4.27 menunjukkan bahawa setelah mendapat pembiayaan dari BQ-BIMA Banda Aceh jumlah jawapan “tidak pernah” menurun sebanyak 4.3% dan pelanggan yang menjawab satu kali menurun

17%. Jumlah pelanggan yang memilih sanggup dua kali mengkonsumsi daging dan tiga kali lebih dalam sebulan meningkat setelah pembiayaan. Jumlah tersebut yaitu 10.7% untuk dua kali dan 10.6% untuk tiga kali. Hasil dari jadual ini menunjukkan kekerapan memakan daging dalam seminggu meningkat sangat baik dengan meningkatnya kekerapan pada tiga kali dalam seminggu.

Jadual 4.28: Kekerapan Minum Susu dalam Sehari Semalam

Kekerapan Minum Susu dalam Sehari Semalam	Sebelum Menerima Pembiayaan		Sesudah Menerima Pembiayaan	
	Bilangan	Peratus (%)	Bilangan	Peratus (%)
3 kali	4	8.5	4	8.5
2 kali	7	14.9	14	29.8
1 kali	22	46.8	19	40.4
Tidak pernah	14	29.8	10	21.3
Jumlah	47	100.0	47	100.0

Sumber : maklumat dari soal selidik kajian

Analisis tentang kekerapan minum susu dalam sehari boleh menggambarkan keadaan kesihatan yang juga mempengaruhi pada kemampuan ekonomi seseorang. Untuk mendapatkan maklumat dalam sehari yang mempunyai hubungan kait dengan peningkatan ekonomi maka penulis menganalisis jadual 4,28 dengan mengelaskan tingkat kemampuan pelanggan yang memilih “Tiga Kali” *Sangat Baik*, “Dua Kali” *Baik*, “Sekali” *Kurang Baik* dan “Tidak Pernah” *Tidak Baik*.

Jadual 4.28 menunjukkan kekerapan minum susu dalam sehari semalam sebelum menerima pembiayaan hanya 8.5% pelanggan yang menjawab tiga kali dan yang menjawab dua kali sehari semalam berjumlah 14.9%. Sementara yang menjawab sebelum menerima pembiayaan 46.8% satu kali minum susu dalam sehari semalam dan 29.8% untuk yang menjawab tidak pernah. Setelah melihat peratusan sebelum menerima pembiayaan maka program pembangunan ekonomi BQ-BIMA Banda Aceh berpengaruh terhadap peningkatan kekerapan minum susu sehari semalam.

Peningkatannya dapat dilihat dengan peningkatan kekerapan minum susu sehari semalam dua kali. Dari jadual 4.28 menunjukkan bahawa setelah mendapat pembiayaan jumlah jawapan satu kali menurun sebanyak 6.4% dan pelanggan yang menjawab “tidak pernah” menurun sebanyak 8.5%. Sedangkan pelanggan yang memilih jawapan dua kali dalam sehari semalam meningkat setelah adanya pembiayaan dengan peningkatannya 14.9%. Peningkatan yang terjadi pada 2 kali sehari boleh dikategorikan baik.

Jadual 4.29: Penggunaan Air Minum

Air Minum	Sebelum Menerima Pembiayaan		Sesudah Menerima Pembiayaan	
	Bilangan	Peratus (%)	Bilangan	Peratus (%)
Air Mineral	31	66.0	37	78.7
Air Paip	8	17.0	5	10.6
Air Sumur	8	17.0	5	10.6
Jumlah	47	100.0	47	100.0

Sumber : maklumat dari soal selidik kajian

Air minum merupakan keperluan yang sangat penting bagi manusia kerana sangat diperlukan oleh tubuh, semestinya kita perlu air minum yang berkualiti dan menyihatkan. Menganalisis penggunaan air minum terhadap pelanggan, boleh mendapatkan maklumat tentang kemampuan pelanggan dalam menggunakan jenis air minum yang berkualiti atau tidak berkualiti. Bagi memudahkan analisis, peneliti mengatagorikan jawapan pada jadual 4.29, yang menjawab “Air Mineral” *Sangat Baik*, “ Air Paip” *Baik*, “Air Telaga” *Kurang Baik* , dan “Air Sungai” *Tidak Baik*.

Jadual 4.29 menunjukkan penggunaan air untuk di minum sebelum pembiayaan terdapat 66% pelanggan meminum air mineral. Air mineral yang dimaksudkan disini ialah air yang digunakan sebagai air minum yang dibeli pada tempat pengolahan secara sederhana dan dijual dengan harga murah, bukan air mineral yang di produksi oleh kilang-kilang besar. Selanjutnya 17% menggunakan air paip dan 17% menggunakan

air sumur. Bagi yang menggunakan air paip dan air sumur karena pelanggan belum sanggup mengkonsumsi air mineral. Program pembangunan ekonomi telah memberi pengaruh terhadap peningkatan ekonomi. Salah satu peningkatannya berpengaruh dengan penggunaan air minum dengan ramai pelanggan yang meningkat sesudah adanya pembiayaan daripada BQ-BIMA Banda Aceh. Dari jadual 4.31 menunjukkan bahawa setelah mendapat pembiayaan jumlah pelanggan yang menjawab meminum air paip dan air telaga menurun masing-masing sebanyak 6.4%. Jumlah pelanggan yang memilih meminum air mineral meningkat setelah adanya pembiayaan iaitu 12.7%. Peningkatan yang terjadi pada penggunaan air minum sangat baik, karena peningkatan lebih ramai pelanggan yang menggunakan air mineral setelah pembiayaan.

Jadual 4.30: Penggunaan Air Mandi

Air Mandi	Sebelum Menerima Pembiayaan		Sesudah Menerima Pembiayaan	
	Bilangan	Peratus (%)	Bilangan	Peratus (%)
Air Paip	21	44.7	22	46.8
Air Telaga	24	51.1	23	48.9
Air Sungai	2	4.3	2	4.3
Jumlah	47	100.0	47	100.0

Sumber : maklumat dari soal selidik kajian

Penggunaan air untuk mandi haruslah memilih air yang berkelayakan, penggunaan air yang bersih akan memberikan dampak positif terhadap tubuh kita. Begitu juga halnya apabila kita menggunakan air yang tidak bersih akan sangat mudah terjangkit dengan berbagai penyakit. Menganalisis penggunaan air mandi terhadap pelanggan, boleh mendapatkan maklumat tentang kemampuan pelanggan dalam menggunakan jenis air untuk mandi. Bagi memudahkan analisis, peneliti mengelaskan jawapan pada jadual 4.30 yang menjawab “Air Paip” *Sangat Baik*, “Air Telaga” *Baik*, “Air Sungai” *Kurang Baik*, dan “Air Hujan” *Tidak Baik*.

Jadual 4.30 menunjukkan bahawa penggunaan air mandi sebelum pembiayaan 44.7% responden yang memilih air paip. Selanjutnya 51.1% responden memilih jawapan untuk menggunakan air telaga dan 4.3% yang memilih air sungai. Sementara jawapan yang paling ramai dipilih dari jadual 4.32 sebelum pembiayaan ialah penggunaan air telaga (51.1%). Jawapan ini diperolehi kerana responden tidak mampu untuk memilih air paip sebagai air untuk mandi. Program pembangunan ekonomi dari BQ-BIMA Banda Aceh telah memberikan peningkatan terhadap penggunaan air mandi responden. Peningkatannya setelah pembiayaan berpengaruh kepada peningkatan penggunaan air mandi dengan peningkatan responden pada pilihan penggunaan air paip. Dari jadual 4.30 menunjukkan bahawa setelah mendapat pembiayaan dari BQ-BIMA Banda Aceh jumlah yang menggunakan “Air paip” meningkat sebanyak 2.1%. Jumlah responden yang memilih menggunakan air telaga menurun sebanyak 2.2% dan penggunaan air sungai setara (4.3%). Terjadi peningkatan pada penggunaan air paip maka peningkatan yang terjadi sangat baik.

Jadual 4.31 Tempat Berubat

Tempat Berubat	Sebelum Menerima Pembiayaan		Sesudah Menerima Pembiayaan	
	Bilangan	Peratus (%)	Bilangan	Peratus (%)
Klinik	6	12.8	10	21.3
Hospital	24	51.1	23	48.9
Pukesmas	17	36.2	14	29.8
Jumlah	47	100.0	47	100.0

Sumber : maklumat dari soal selidik kajian

Kesadaran pelanggan terhadap kesihatan boleh melihat tempat rawatan jika seseorang sakit. Tempat rawatan sangat berhubung kait dengan kemampuan ekonomi seseorang atau keluarga. Seseorang yang mempunyai kemampuan ekonomi yang baik biasanya akan rawatan ke tempat yang bagus jikalau sakit. Bagi memudahkan analisis,

peneliti mengelaskan jawapan pada jadual 4.31 yang menjawab “Klinik” *Sangat Baik* “Hospital” *Baik*, “PUKESMAS” *Kurang Baik* , dan “Lain-lain” *Tidak Baik*.

Jadual 4.31 menunjukkan bahawa tempat berubat sebelum pembiayaan 51.1% responden yang memilih hospital. Selanjutnya 12.8% responden memilih jawapan untuk klinik dan 36.2% yang memilih puskesmas. Sementara jawapan yang paling ramai dipilih dari jadual 4.31 sebelum pembiayaan pelanggan belangan rawatan ke hospital. Jawapan ini diperolehi kerana responden tidak mampu untuk memilih klinik. Tempat berubat untuk keluarga di Aceh pada klinik lebih mahal dan pelayanan doktor lebih spesial. Program pembangunan ekonomi dari BQ-BIMA Banda Aceh telah memberikan peningkatan terhadap tempat berubat responden. Peningkatannya berpengaruh kepada peningkatan tempat berubat dengan ramai responden yang meningkat pada pilihan klinik. Dari jadual 4.31 menunjukkan bahawa setelah mendapat pembiayaan dari BQ-BIMA Banda Aceh jumlah jawapan “Hospital” menurun sebanyak 2.2%. Jumlah responden yang memilih klinik meningkat sebanyak 8.5% dan pukesmas menurun (6.4%). Hasil dari jadual ini menunjukkan amalan tempat rawatan pelanggan meningkat sangat baik dengan meningkatnya pelanggan yang melakukan rawatan di klinik.

Setelah di huraikan daripada jadual-jadual tentang amalan kesihatan peneliti penilai secara purata terjadi peningkatan daripada sebelum menerima pembiayaan modal meningkat sesudah mendapatkan modal dari BQ-BIMA.

4.5 Cabaran Yang Dihadapi dalam Melaksanakan Program Pembangunan Ekonomi Masyarakat di Baitul Qiradh Bina Insan Mandiri Banda Aceh

Pelaksanaan pelbagai program untuk masyarakat miskin tentu banyak cabaran yang akan dihadapi. Cabaran-cabaran yang terjadi boleh disebabkan oleh berbagai-bagai

masalah yang dihadapi oleh masyarakat miskin sehingga tidak akan mudah untuk merubah kebiasaan mereka yang pesimis dengan berbagai-bagai usaha untuk perubahan. Secara garis besar cabaran tersebut dapat dibahagikan menjadi dua bentuk cabaran iaitu cabaran yang terjadi dalam institusi itu sendiri yang berupa cabaran dalaman dan cabaran yang berasal dari luar yang berupa cabaran daripada ahli atau nasabah yang disebut dengan cabaran luaran.

4.5.1 Cabaran Dalaman

Cabaran yang dihadapi dalaman sebuah organisasi boleh berupa pelbagai masalah dan persaingan yang terjadi dalam proses perjalanan organisasi itu sendiri. Cabaran ini mestilah terjadi dalam badan organisasi mana sahaja kerana disebabkan dengan beberapa masalah dan kekurangan yang terdapat dalam institusi. Bagi BQ-BIMA Banda Aceh yang merupakan institusi kewangan mikro ekonomi syariah pasti mendapati cabaran yang bersumber dari dalaman di antaranya ialah kurangnya tenaga manusia iaitu pekerja dan kurangnya pemahaman berkenaan dengan tanggungjawab di bidang masing-masing.

4.5.1.1 Kurangnya tenaga pekerja boleh disebabkan oleh pengalaman dan kemahiran yang kurang memadai, sedangkan yang dihadapi oleh BQ-BIMA Banda Aceh tidak semua pekerjanya mempunyai kemahiran di bidang masing-masing. Semenjak dari awal berdirinya BQ-BIMA telah berusaha untuk melatih pekerjanya dengan cara menghantar keluar wilayah untuk mengikuti kursus tentang kemahiran di bidangnya. Tetapi sampai saat ini belum semua pekerjanya mendapat latihan dan kursus di institusi luar yang sama dengan Baitul Qiradh.⁴

⁴ Tuan Mufti Almahfudz, Manager Baitul Qiradh Bina Insan Mandiri Banda Aceh. Temubual pada 25 September 2010.

4.5.1.2 Kurangnya pemahaman berkenaan dengan tanggungjawab di bidang masing-masing. Hal ini berlaku, disebabkan oleh sumber insan dan juga kurangnya minat terhadap jabatan yang telah ditentukan oleh pengetua atau pengarah. Kurangnya minat ini juga sangat dipengaruhi oleh pekerjaan di dalam institusi BQ-BIMA Banda Aceh.

4.5.1.3 Terdapat pekerja yang sering keluar dari BQ-BIMA yang disebabkan oleh mendapatkan pekerjaan lain yang lebih layak dan tidak merasa sesuai dengan kemahiran yang bersesuaian semasa belajar di dahulu.

4.5.2 Cabaran Luaran

4.5.2.1 Persaingan Antara Institusi

Kajian ini mendapati banyaknya institusi kewangan syariah di Aceh boleh memberi kesan positif terhadap ekonomi dalam pengembangan insan. Walaupun demikian ianya akan mendapatkan pelbagai saingan daripada institusi-institusi lain yang sama dengan Baitul Qiradh dan Koperasi-koperasi yang lain. Sehingga institusi BQ-BIMA harus memberikan perkhidmatan yang lebih baik terhadap para pelanggan supaya mendapat kepercayaan dari mereka yang berminat menjadi anggota BQ-BIMA.

4.5.2.2 Ramai Pelanggan Kurang Memahami Terhadap Akad Syariah

Hasil kajian mendapati kurang memahami jenis akad yang tertera dalam surat kontrak. Para pelanggan hanya memahami bentuk peratusan yang harus dibayar daripada modal kepada BQ-BIMA Banda Aceh.⁵ Pada hakikatnya mereka tidak memahami bentuk hukum yang akad antara BQ-BIMA dan ahli. Di mana sebahagian dari mereka menganggap bahawa produk-produk yang ditawarkan oleh BQ-BIMA

⁵ Hasil Obsevasi Dan Temuduga Dengan Beberapa Anggota Penerima Pembiayaan Program Pembangunan Ekonomi Masyarakat. 24 September 2010.

adalah sama dengan produk-produk yang dipraktikkan pada institusi konvensional.⁶ Sehingga BQ-BIMA Banda Aceh perlu memberikan pemahaman agar para pelanggan boleh mengerti tentang akad yang disepakati oleh BQ-BIMA Banda Aceh.

4.5.2.3 Kejujuran Masyarakat

Penerapan skim-skim syariah untuk sementara belum boleh di amalkan semua, ini terjadi kerana masih banyak masyarakat yang beranggapan bahawa banyak dana Baitul Qiradh dan sejenisnya di sokong oleh pemerintah Aceh sehingga masyarakat yang beranggapan demikian tidak mahu jujur setelah diberikan pembiayaan. Seterusnya juga masih banyak terdapat masyarakat yang tidak mahu mengembalikan pembiayaan-pembiayaan tersebut. Oleh kerana itu perlu usaha-usaha untuk memberi kefahaman kepada masyarakat Aceh.⁷

4.6. Kesimpulan

Program pembangunan ekonomi masyarakat yang dilaksanakan oleh BQ-BIMA Banda Aceh bertujuan untuk mengurangkan kemiskinan khususnya di Banda Aceh dan Aceh Besar. Analisis kajian mendapati peningkatan dari segi ekonomi, pendidikan dan kesihatan para penerima bantuan. Selain itu, perkembangan tersebut dalam proses program pembangunan ekonomi masyarakat mengalami pelbagai cabaran. Jika dilihat dari tahap peningkatan ekonomi secara purata dapat disimpulkan berlaku peningkatan yang baik. Hal ini dapat dilihat dari tahap peningkatan keuntungan, pemasaran, jumlah pakaian baru anak, penggunaan memasak nasi, penggunaan memasak air, penggunaan pengangkutan dan peralatan rumah semuanya mengalami peningkatan.

⁶ Syamnendar, Anggota Penerima Pembiayaan Program Pembangunan Ekonomi, Umur 43 tahun, Temubual pada 24 September 2010.

⁷ Sunardi Gustiansyah, Account officier & Ketua Penyaluran Dana Pemberdayaan Ekonomi, Temubual pada 24 September 2010.

Kemudahan pendidikan juga mengalami peningkatan yang lebih baik. Peningkatan ini dapat dilihat dengan adanya penambahan menyekolahkan anak, tempat pendidikan, tempat sekolah agama, pakaian sekolah anak, dan kelengkapan alat tulis anak. Namun begitu, kemampuan untuk memasukkan anak ke universiti tidak mengalami peningkatan, tetapi hanya satu jadual yang menunjukkan tidak mengalami peningkatan makan secara purata dapat dinilai baik. Begitu juga dengan peningkatan di sektor kesihatan juga mengalami peningkatan yang baik. Ini dapat dilihat dengan adanya peningkatan kekerapan memakan nasi dalam sehari, memakan ikan, memakan daging, memakan telur, minum susu, tempat mandi, tandas, penggunaan air minum, membasuh pakaian dan tempat berubat ketika sakit.

Pelbagai cabaran yang dihadapi dalam pelaksanaan program pembangunan ekonomi masyarakat di BQ-BIMA Banda Aceh sama ada dari dalaman mahupun dari luaran. Secara khusus yang di hadapi di dalaman iaitu: *pertama* kurangnya tenaga pekerja boleh disebabkan oleh pengalaman dan kemahiran yang kurang memadai. *kedua* Masih adanya pekerja yang sering keluar dari BQ-BIMA. Begitu juga halnya seperti cabaran luaran, cabaran-cabaran yang didapati ialah cabaran persaingan antara institusi, kurang pemahaman terhadap akad syarah untuk pelanggan ahli BQ-BIMA Banda Aceh dan juga masyarakat tidak semua jujur.